



LANDSKAP

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

Edisi 16/2019

6-13 September 2019

DALAM NEGARA

- Politik** - PH meneutralkan isu agama dan bangsa dalam politik melalui persempadanan semula pilihanraya serta pengukuhan kuasa dalam Dewan Negara
- Ekonomi** - Kementerian Kewangan gugurkan puluhan syarikat bumiputera dari memegang kontrak kerajaan
- Sosial** - Isu kerakyatan: DAP anjur program permohonan kad pengenalan bagi warga China, Orang Cina Malaysia dalang sindiket MyKad di Penang
- Politik** - Peningkatan dasar penswastan di bawah kerajaan Pakatan Harapan, buka ruang campur tangan pihak asing

LUAR NEGARA

- Politik** - Pengukuhan kuasa politik antarabangsa China terhadap negara-negara Asia Tenggara
- Keselamatan** - Peningkatan Infrastruktur ketenteraan dan konflik di Laut China Selatan

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

6-13 September 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Landskap pada minggu ini memperlihatkan beberapa perkembangan penting dalam dan luar negara. Secara ringkasnya terdapat empat sudut pandang utama dalam landskap minggu ini, iaitu:

1. **Isu kerakyatan yang melibatkan warga China** semakin meruncing, namun ini mungkin hanya *'tip of the iceberg'* kepada permasalahan kerakyatan yang lebih besar di seluruh Malaysia.
2. Kerajaan PH dalam usaha **meneutralkan isu agama dan bangsa** melalui proses persempadanan semula dan menguasai komposisi ahli senator dalam dewan negara. Dalam masa yang sama **menggugurkan syarikat-syarikat Melayu daripada kontrak kerajaan** khususnya dalam sektor perubatan dan perabot.
3. **Dasar UN dalam sektor tenaga elektrik** bagi negara di bawah UN membuka ruang syarikat luar **mengikat Malaysia melalui hutang** bagi penghasilan tenaga melalui sistem solar.
4. **China semakin agresif dalam menjaga keselamatan sumber dan wilayah di laut China Selatan** dengan menjamin sokongan politik negara serantau dan menambah aset ketenteraan di wilayah perairan itu.

DALAM NEGARA

POLITIK



Bermula Oktober ini, 11 orang senator bakal menamatkan penggalnya sekaligus memberi ruang kepada Pakatan Harapan untuk menguasai Dewan Negara- (Gambar: Utusan Online)

1.0 PH meneutralkan isu agama dan bangsa dalam politik melalui persempadanan semula pilihan raya serta pengukuhan kuasa dalam Dewan Negara

Pakatan Harapan (PH) dilaporkan akan melakukan reformasi politik khususnya dalam kawasan persempadanan semula dan akan meningkatkan penguasaan terhadap dewan negara menjelang tahun 2020.

Dewan Negara pada masa ini mempunyai 70 ahli lantikan. Ketika ini PH mempunyai 26 senator, manakala gabungan BN mempunyai 27 orang dengan sekutu terbarunya, PAS mempunyai 4 kerusi. 11 senator lagi mewakili parti yang tidak berpihak.

Akan berlaku 3 kekosongan bagi kumpulan kem BN-PAS dalam masa terdekat yang membawa kepada pelantikan aktivis liberal Ivy Josiah sebagai senator pada Oktober ini.

Pada tahun 2020, seramai 7 senator lagi yang bakal

menamatkan tempoh perkhidmatan termasuk Speaker Dewan Negara. Daripada jumlah itu, enam wakil adalah daripada BN. Kekosongan ini akan di isi oleh individu yang berpihak kepada PH dan membawa kepada menguasai Dewan Negara pada November 2020.

Dalam satu temu ramah Malaysiakini dengan Saifuddin Abdullah yang merupakan ahli tertinggi PH, beliau menyebut bahawa kerajaan akan meningkatkan bilangan kawasan campuran pilihan raya. Ia bertujuan untuk menghalang ahli politik berkempen menggunakan isu perkauman dan agama. Atau dengan kata lain isu agama dan kaum akan dineutralkan melalui komposisi kaum dan agama yang pelbagai.

Saifuddin berkata akan terdapat lebih banyak kawasan campuran berbanding sekarang melalui proses manipulasi sempadan pilihan raya (*gerrymandering*). Buat masa ini, daripada 222 kerusi, hanya terdapat 83 kerusi yang benar-benar kerusi campuran. Kerajaan bercadang untuk meningkatkan sehingga kira-kira 140 kerusi campuran.

Namun begitu, persempadanan semula hanya akan berlaku pada tahun 2025. Hal ini membawa kerajaan untuk memperhalusi semula undang-undang berkenaan persempadanan.

DALAM NEGARA

EKONOMI



Sebanyak 33 dari 87 syarikat bumiputera yang mendapat kontrak bekalan perabot dari kerajaan telah digugurkan oleh Kementerian kewangan. (Gambar: Reuters)

2.0 Kementerian Kewangan gugurkan puluhan syarikat bumiputera dari memegang kontrak kerajaan

Kementerian Kewangan pada minggu ini dilaporkan menggugurkan syarikat bumiputera dari kontrak kerajaan khusus melibatkan syarikat perubatan dan perabot.

Lim Guan Eng (LGE) dalam sebuah kenyataan dipetik akan menilai semula kontrak bekalan ubat-ubatan dengan syarikat perubatan bumiputera Pharmaniaga Bhd atas alasan tidak senang dengan monopoli yang diperoleh Pharmaniaga.

Sejak tahun 2009, Pharmaniaga telah menjadi satu-satunya pembekal ubat-ubatan kepada kerajaan dan kontrak itu akan tamat pada November 2019. Dari sudut konsesi bekalan perubatan, Pharmaniaga hanya membekalkan 33% dari keseluruhan bekalan ubat yang diperoleh kerajaan dan ia membentuk pendapatan sebanyak 53% kepada syarikat itu.

Dalam isu syarikat perabot bumiputera pula, sebanyak 33 dari 87 syarikat bumiputera yang mendapat kontrak bekalan perabot dari kerajaan telah digugurkan oleh kementerian kewangan.

Perkara ini telah dilaporkan oleh Persatuan Pengusaha Industri Perabot Bumiputera Malaysia (PETRA) atas alasan tidak lulus sijil Product Certification Services (PCS) yang dikeluarkan oleh Forest Research Institute Malaysia's (FRIM).

PETRA juga turut menambah kelulusan sijil itu adalah berdasarkan pihak FRIM sendiri dan tidak ditentukan oleh mereka.

Dalam satu kenyataan lain oleh pihak Kementerian Kewangan, pihak kementerian telah menangguhkan arahan pengguguran itu selama 6 bulan bagi memberi masa kelulusan permohonan. Selain itu, pihak kementerian juga telah memeriksa semula daripada 33 syarikat yang digugurkan. Sebanyak 13 syarikat telah pun mempunyai sijil kelulusan, 15 masih lagi dalam permohonan manakala ada 5 syarikat sahaja yang belum memohon.

Secara keseluruhan, dasar dan polisi ekonomi kerajaan PH lebih menguntungkan syarikat-syarikat cina. Hal ini dibuktikan melalui satu kaji selidik yang dikeluarkan oleh Monash University di mana syarikat-syarikat cina memberi respons yang paling positif dengan keadaan ekonomi di bawah kerajaan PH iaitu mencecah 50%. Syarikat melayu dan India masing-masing mencatatkan respon ketidakpuasan hati dengan respons masing-masing hanya sekitar 39% dan 38%.

DALAM NEGARA

SOSIAL



Pihak PDRM berjaya menangkap sebuah sindiket MyKad yang terdiri daripada 20 orang individu termasuklah kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Pulau Pinang, rakyat tempatan berbangsa cina, warganegara India dan warganegara China.

3.0 Isu kerakyatan: DAP anjur program permohonan kad pengenalan bagi warga China, Orang cina Malaysia dalang sindiket MyKad di Penang

Terdapat dua isu yang melibatkan MyKad kepada warganegara China yang telah dilaporkan pada bulan September ini.

Isu pertama adalah melibatkan sindiket Mykad di Penang. Pihak PDRM berjaya menangkap sebuah sindiket MyKad yang terdiri daripada 20 orang individu. Mereka yang ditangkap termasuklah kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Pulau Pinang, rakyat tempatan berbangsa cina, warganegara India dan warganegara China.

Sindiket ini telah menjual MyKad dengan harga RM100,000 sehingga RM600,000 kepada warganegara asing terutamanya warga China.

Dalam perkembangan terbaru, 6 orang telah didakwa terdiri daripada 5 orang cina dan seorang pegawai JPN gred 42 berbangsa Melayu. Enam orang itu adalah Datuk Lai Chin Wah, Loh Chan Cheong, Chien Guan Chai, Yap Cheng Wah, Mohd Faizal Tan Abdullah, dan Muhd

Faizal.

Isu kedua pula melibatkan video yang tular pada penghujung 2018 mengenai sebuah program anjuran pejabat parlimen DAP Kepong. Program tersebut adalah sebuah sesi taklimat tatacara permohonan kewarganegaraan dan kad pengenalan oleh JPN.

Wujud dakwaan di mana DAP Kepong merancang untuk mendaftar MyKad bagi pendatang haram China tetapi telah dinafikan oleh pihak JPN. Namun begitu, ramai warganegara China khususnya yang tiada kerakyatan, pemegang kad pengenalan sementara, dan pemegang kad pengenalan tetap berpusu-pusu hadir di pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menukar status kewarganegaraan mereka.

DALAM NEGARA

POLITIK



MENTERI Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin merasmikan Pameran '5-in-1 Power & Energy Series' di Kuala Lumpur, hari ini. (Gambar: Berita Harian)

4.0 Peningkatan dasar penswastan di bawah kerajaan Pakatan Harapan, buka ruang campur tangan pihak asing

Kerajaan Pakatan Harapan dilihat terus memperkukuhkan dasar penswastan melalui beberapa inisiatif yang dilakukan dalam sektor tenaga, komunikasi dan juga kesihatan.

Perkembangan minggu ini memperlihatkan beberapa peningkatan aktiviti penswastaaan di dalam sektor tenaga. Hal ini dilakukan selepas TNB sebelum ini telah menswastakan lagi operasi di dalam sektor hiliran bagi perniagaan runcit pembekalan elektrik.

United Nation (UN) di bawah sasaran Sustainable Development Goals (SDGs) meletakkan Malaysia perlu mencapai penghasilan 20% tenaga elektrik yang boleh diperbaharui atau renewable energy.

Bagi mencapai sasaran itu Menteri Tenaga Sains Teknologi dan Alam Sekitar Yeo Bee Yin berkata, kerajaan memerlukan RM33 bilion pelaburan berupa pinjaman daripada pihak syarikat swasta. Antara bidang tenaga yang akan diterokai melalui pelaburan ini adalah jana kuasa tenaga melalui solar.

Dalam perkembangan lain, Malaysia, Laos dan Thailand mencapai persetujuan untuk mewujudkan sistem Grid Kuasa Elektrik bersama melalui projek Laos-Thailand-Malaysia Power Integration Project (LTM-PIP). Projek ini adalah sebahagian usaha badan kelola antarabangsa melalui Institut Tenaga Antarabangsa untuk menyatukan bekalan tenaga di Asean secara bersama.

LUAR NEGARA

SOSIAL



China menawarkan perkongsian bersama terhadap eksplorasi minyak di Laut China Selatan sebanyak 60% 40% di kawasan zon eksklusif milik Filipina

5.0 Pengukuhan kuasa politik antarabangsa China terhadap negara-negara Asia Tenggara

Perkembangan minggu ini memperlihatkan cubaan China untuk meluaskan lagi pengaruh dan kekuasaan mereka di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Terbaru, Presiden Filipina berkata, China menawarkan perkongsian bersama terhadap eksplorasi minyak di Laut China Selatan sebanyak 40% hingga 60% di kawasan zon eksklusif milik Filipina. Hal ini berlaku, sekiranya Filipina menggugurkan dakwaan mereka yang telah di buat terhadap China di mahkamah antarabangsa The Haque.

Walau bagaimanapun, dalam perkembangan lain, South China Morning Post melaporkan bahawa Indonesia telah menolak tawaran China untuk membina kereta api mega sepanjang 720KM.

Indonesia memilih Jepun sebagai pelaksana projek. Hal ini kerana Jepun menawarkan pinjaman yang lebih rendah kadar faedahnya berbanding China.

Manakala Di Thailand pula, kerajaan junta tentera menandatangani perjanjian pemilikan senjata dengan kerajaan China. Pembelian itu merangkumi kapal selam dan kapal perang jenis LPD China bernilai 130 Juta dolar.

LUAR NEGARA

SOSIAL



China telah membina rangkaian drone di Laut China Selatan untuk mengawasi pulau-pulau dan terumbu di Laut China Selatan.

6.0 Peningkatan Infrastruktur ketenteraan dan konflik di Laut China Selatan

Menurut sumber berita Asia Times, China melancarkan sistem jaringan dron di kawasan strategik di Laut China Selatan.

Jaringan dron itu akan membentuk rangkaian komunikasi yang akan meluaskan lagi pemantauan ke kawasan-kawasan tidak berpenghuni dan terpinggir di Laut China Selatan.

Menurut Kementerian Sumber Asli China, China juga akan melancarkan sistem konstelasi Satelit Hainan pada tahun 2021. Sistem itu akan membolehkan China memantau kawasan Laut China Selatan secara langsung. Sistem itu merangkumi enam buah satelit optik, dua satelit *hyperspectral* dan dua buah satelit radar.

China juga bersikap agresif dalam pelan peluasan di Laut China Selatan dengan meningkatkan provokasi terhadap negara serantau. Hal ini dilakukan melalui pencerobohan kapal-kapal perdagangan dan nelayan di kawasan perairan negara-negara Asia Tenggara.

Menurut sumber The Independent Singapura, kapal kren terbesar dunia milik China "Lan Jing" dilihat menceroboh sehingga 90km dari kawasan pantai Vietnam pada 4 September lepas. Langkah ini mencetuskan ketegangan antara China dan Vietnam.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Amerika Syarikat meningkatkan lagi keupayaan ketenteraan mereka di Laut China Selatan dengan menambah keupayaan persenjataan.

Menurut sumber berita CNN, kapal USS *Gabrielle Giffords* dilihat meninggalkan pangkalan tentera Amerika Syarikat di San Diego awal bulan ini. Kapal tersebut menuju ke Laut China Selatan dengan membawa misil tentera laut yang baru, yang dipasangkan dengan helikopter dron MQ-8B Fire buatan syarikat kapitalis senjata *Raytheon* .

IRIS Institute

Interdisciplinary Research and International Strategy

Bandar Baru Bangi

No 6-23-3A, Jalan Medan,
Pusat Bandar 8A, Bangi Sentral,

